

No. Soalan: 28

PR-1333-L71287

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
[ GOMBAK ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2015**

**SOALAN :** Tuan Mohamed Azmin bin Ali [ Gombak ] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah sikap Kerajaan terhadap kegiatan pembinaan yang dilakukan oleh China di Laut China Selatan dan apakah ianya telah melangkaui sempadan kedaulatan negara.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Gombak atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Berhubung dengan aktiviti kegiatan pembinaan yang dilakukan oleh China yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gombak, saya ingin maklumkan bahawa aktiviti kegiatan penambakan dan pembinaan infrastruktur yang dilakukan oleh China ini dilaksanakan di luar kawasan maritim Malaysia. Sehubungan itu, aktiviti China tersebut tidak melangkaui sempadan kedaulatan negara.

3. Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti ini telah menimbulkan kegusaran di kalangan negara ASEAN kerana ianya berpotensi untuk menjaskan kestabilan di Laut China Selatan. Sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2015, Malaysia telah membangkitkan kegusaran yang ditimbulkan oleh beberapa negara ASEAN tersebut kepada pihak China. Selain itu, Kenyataan Pengerusi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-26 pada 27 April 2015 serta Kenyataan Bersama Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN ke-48 turut menyentuh isu ini.

Sekian, terima kasih.